

15/01/2003

Anak Malaysia dapat anugerah tertinggi Asean

Johary Indan

MENGGATAL: Siapa sangka, minat membaiki televisyen rosak sewaktu masih bersekolah rendah membolehkan seorang remaja tempatan mencipta kejayaan membanggakan peringkat Asean, apabila menerima anugerah tertinggi bidang berkaitan di Jakarta, Oktober lalu.

Gabby Hiew Vui Han, 20, yang masih mengikuti kursus peringkat sijil bidang kejuruteraan elektrik di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, di Jalan Sepanggar, Menggatal, memperolehi kejayaan itu pada pertandingan kemahiran Asean keempat di Indonesia.

Anak keturunan Sino-Kadazan kelahiran Ranau dan kini menetap bersama-sama keluarganya di Likas, Kota Kinabalu itu mengakui dia tidak menyangka mencapai kejayaan tinggi itu kerana menyedari menghadapi persaingan sengit dalam bidang sama daripada ramai pelajar lain.

"Saya diminta mencipta pendawaian elektrik pada pertandingan itu dan hasil kerja saya memperolehi 90 peratus markah, penilaian tertinggi yang diberikan pengadil pertandingan itu," katanya ditemui selepas perasmian ILP Kota Kinabalu, Sabtu lalu.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Tham Nyip Shen, yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, merasmikan ILP Kota Kinabalu itu.

Beliau mengakui tidak pernah menerima dorongan daripada sesiapa untuk menceburi bidang berkaitan elektrik itu, tetapi meneruskan usaha untuk berjaya kerana minat mendalam dalam bidang berkenaan.

Selain anugerah itu, Hiew, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Likas itu juga menerima sijil penghargaan pertandingan kemahiran ke-12 di Kuala Lumpur naungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tham yang dimaklumkan mengenai pencapaian Hiew bangga dengan kejayaan anak tempatan pada peringkat Asean itu dan berharap akan menjadi contoh pelajar lain di negeri ini.

"Saya berharap kejayaan pelajar tempatan dalam bidang berkaitan akan bertambah, sejajar hasrat kerajaan melahirkan lebih ramai tenaga mahir untuk memenuhi kehendak negara dalam bidang berkenaan," katanya.

Pengarah ILP Kota Kinabalu, Azmi Ahmad, menyifatkan Hiew adalah antara pelajar institut itu yang sentiasa tekun mengikuti setiap mata pelajaran diberikan tenaga pengajar, menjadikan dirinya mampu mencapai kejayaan berkenaan.

"Saya bangga dengan pencapaian pelajar itu yang sentiasa berdisiplin, tekun serta kuat berusaha, sambil berharap ramai lagi pelajar ILP lain dapat mengikut jejak Gabby," katanya.

Sehubungan itu, Azmi berkata, Hiew serta pelajar yang mengikut kursus di ILP dapat memanfaatkan kemahiran diperolehi untuk membantu membangunkan bidang perindustrian terutama di Sabah selepas tamat.